



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

2 September 2020

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Ikan air tawar semakin pupus• Nelayan ditahan guna pukot rawa sorong tanpa lesen• Mayat nelayan ditemui di bangsal ikan
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Pukat tunda jejas terumbu karang
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Mayat nelayan betuala ditemui di bawah bangsal• Nelayan ditahan guna pukot rawa sorong tanpa lesen
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Mayat nelayan ditemui terbaring bawah bangsal
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		19	2/9/20

Ikan air tawar semakin pupus

um m/s 19

2/9/20

SAUDARA PENGARANG.

JABATAN Perikanan bukan sahaja perlu memberi perhatian serius terhadap punca dan masalah kepupusan ikan di laut yang semakin membimbangkan, malah tumpuan sama juga hendaklah diberikan kepada ikan sawah atau ikan air tawar yang kian terancam dan sukar diperolehi ketika ini.

Ikan sawah seperti haruan, keli, puyu, lampam dan sepat yang sejak turun-temurun menjadi sumber protein murah bagi penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar semakin terjejas pembiakannya. Punca dikenal pasti akibat penggunaan racun yang tidak terkawal oleh pesawah selain ada dalam kalangan penangkap ikan tersebut menggunakan mata pukat bersaiz kecil, tuba dan kuasa elektrik.

Masalah menjadi lebih meruncing apabila berlaku pencemaran alam sekitar yang mengancam sistem pengairan melibatkan sungai dan sumber bekalan air kegunaan para pesawah. Antara penyumbanganya ialah pembuangan sisa toksik dan ancaman hakisan dari darat.

Penggunaan racun bertoksik tinggi, racun rumpai, baja kimia dan amalan sistem tabur terus juga memberi kesan kepada proses

pembiakan hidupan air tawar.

Di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) misalnya, para pesawah didapati menggunakan racun dari Thailand dan China yang diharamkan.

Bekas racun seperti botol dan plastik yang dibuang ke dalam saliran dan sungai lalu terus ke laut menyebabkan kawasan pantai turut tercemar dan mengancam tempat pembiakan siput dan kerang. Begitu juga aktiviti menuba ikan di tasik dan empangan jika tidak dibanteras, lama kelamaan lokasi tersebut akan ketandusan sumber hasil laut.

Justeru, Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu bertindak mengatasi masalah ini bagi memulihkan dan mengekalkan sumber bekalan makanan untuk rakyat pada masa akan datang.

Golongan pesawah dan peladang perlu diberikan kesedaran melalui penganjuran program tentang kesan penggunaan racun ke atas hidupan ikan air tawar. Akta Perikanan 1985 dan Akta Racun Makhluq Perosak 1974 hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas dan berterusan.

ZULKIFLI BIN YUSUF
Bayan Baru, Pulau Pinang

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		31	2/9/20	

UM M/S 31 2/9/2020

Nelayan ditahan guna pukut rawa sorong tanpa lesen

GEORGETOWN: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) negeri menahan tiga nelayan termasuk seorang tekong selepas disyaki menggunakan pukut tanpa lesen di kedudukan 1.4 batu nautika barat laut Pulau Sayak, Kedah semalam.

Nelayan tempatan berusia 23, 24 dan 44 tahun itu ditahan ketika sedang leka menangkap ikan di atas bot rawa sorong kira-kira pukul 4 pagi.

Pengarah Maritim negeri, Kapten Maritim Hamizan Harun berkata, penahanan ke atas ketiga-tiga nelayan tempatan terba-

bit dijalankan dalam Op Pertiwi/Op Benteng di sekitar perairan Pulau Pinang.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot yang dinaiki seorang tekong bersama dua awak-awak itu disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 iaitu aktiviti menangkap ikan menggunakan pukut tanpa lesen yang sah.

"Mereka menggunakan peralatan pukut rawa sorong untuk menangkap ikan dan menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Me-

nangkap Ikan) 1980," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tegasnya, Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang perairan negara.

Beliau meminta orang ramai diminta memberi kerjasama dengan memberi maklumat lengkap sekiranya terdapat kecemasan atau aduan di laut kepada Maritim Malaysia melalui talian 24 Jam iaitu MERS 999 atau di Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang: 04-2626146 atau 04-264 3650.



TEKONG bersama dua awak-awak ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Pulau Pinang selepas disyaki menggunakan pukut rawa sorong awal pagi semalam. - FOTO IHSAN MARITIM MALAYSIA

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		33		
							2/9/20		

Mayat nelayan ditemui di bangsal ikan UM m/s 33 2/9/2020

DUNGUN: Kehilangan seorang nelayan sejak tengah hari semalam terjawab apabila mayatnya ditemukan terbaring di bawah bangsal ikan di Kuala Paka di sini kira-kira pukul 10.50 malam tadi.

Mayat, Ramli Abdul Rahim, 44, dijumpai enam rakannya yang menjalankan pencarian selepas menyedari kehilangan lelaki tersebut.

Ketua Polis Daerah, Superintendan Baharuddin Abdullah berkata, susulan pene-

muan itu salah seorang rakan mangsa segera menghubungi polis memaklumkan tentang kejadian tersebut.

"Ketika ditemui rakannya, mangsa memakai tuala dan terbaring di bawah tempat duduk bangsal itu," katanya di sini hari ini.

Baharuddin berkata, mayat mangsa dihantar ke Unit Forensik Hospital Dungun untuk tindakan lanjut dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.



MAYAT Ramli Abdul Rahim yang hilang sejak tengah hari semalam ditemukan terbaring di bawah bangsal ikan di Kuala Paka, Dungun, Terengganu.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		18 2/9/2020		

HA: MK 18 2/9/2020

Pukat tunda jejas terumbu karang

Miri: Terumbu karang yang banyak ditemui di sekitar Taman Negara Marin (TNM) Miri-Sibuti di sini, kini lebih terdedah terhadap ancaman manusia.

Ia susulan tindakan se-gelintir mereka yang menggunakan pukat tunda dan jaring hantu sehingga kerap tersangkut serta me-rosakkan terumbu karang di dasar lautan.

Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Forestry Corpora-tion (SFC), Zolkipli Moha-mad Aton berkata, diang-garkan lima trilion plastik berada di lautan tahun lalu, yang mampu menjejaskan ekosistem marin, sekali-gus mencetuskan krisis

global yang perlu diambil tindakan segera.

Atas dasar itu, beliau ber-kata, SFC dan Petronas me-laksanakan program men-geluarkan sisa plastik ser-ta sampah-sarap pada te-rumbu karang di sekitar kawasan itu menerusi projek SFC-Petronas Eco-Marine.

Katanya, projek tajaan Petronas itu bertujuan me-melihara serta memulihara terumbu ka-rang serta pelbagai hi-dupan marin yang hidup

di sekitarnya.

"Semalam (kelmarin) ki-ta turut melakukan pem-bersihan terumbu karang dan kawasan sekitar taman marin berkenaan.

"Seramai 40 penyelam dari SFC, Jabatan Perika-nan, Polis Marin Malaysia, Persatuan Wartawan Utara Sarawak (NSJA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Whales-hark Miri, Dive@Borneo, Miri Divers, Future

Ocean Borneo dan Kenyalang Un-derwater ter-babit dalam program itu," kata-nya.

Terumbu karang banyak ditemui lebih terdedah terhadap ancaman manusia

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		12	2/9/20

Mayat nelayan bertuala ditemui di bawah bangsal

KOSMO m/s 12
0/19/20

DUNGUN - Seorang nelayan yang dicari dua hari lalu ditemui mati di bawah bangsal didiaminya di Kuala Paka dekat sini kelmarin.

Mayat Ramli Abdul Rahim, 44, ditemui dalam keadaan cuma bertuala oleh enam rakan-rakannya yang juga nelayan pada pukul 10.30 malam.

Salah seorang rakan-rakannya, Yusof Abdullah, 45, berkata, kali terakhir dia bertemu Ramli sewaktu mereka minum bersama di sebuah restoran di bandar Paka dekat sini pada malam Ahad lalu.

"Sewaktu saya pulang dari laut selepas menangkap ikan, rakan-rakan mengadu dia (Ramli) gagal dihubungi. Saya agak mungkin dia mempunyai urusan lain atau bermain bola sepak.

"Saya rasa tidak sedap hati apabila Ramli masih gagal dihubungi sehingga malam, lalu mengajak empat rakan lain mencarinya di tempat tinggalnya di bangsal jeti nelayan Kuala Paka," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Yusof berkata, mereka hanya menjumpai pakaian, dompet dan telefon bimbit Ramli dijumpai di



MAYAT Ramli yang ditemui oleh rakan-rakannya di Kuala Paka, Dungun kelmarin.

dalam bangsal berkenaan.

Menurutnya, dia dan rakan-rakan lain yang risau kemungkinan Ramli jatuh di bawah bangsal itu telah turun ke bawah dan mencarinya dengan berpandu lampu suluh.

"Kami terkejut menjumpai dia yang hanya bertuala sedang duduk di atas pangkin di bawah bangsal itu dalam keadaan sudah tidak bernyawa.

"Penemuan mayat Ramli itu kemudian kami maklumkan kepada pihak polis," katanya.



RAMLI

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		15	2/9/20

Nelayan ditahan guna pukat rawa sorong tanpa lesen

KOSMO 15/5 15
2/9/20

GEORGE TOWN - Hasrat tiga nelayan tempatan termasuk seorang tekong meraih hasil tangkapan harian mereka terbantut apabila ditahan pasukan Maritim Malaysia (APMM) pada kedudukan 14 batu nautika barat laut Pulau Sayak, Kedah semalam.

Mereka terdiri lelaki berusia 23, 24, dan 44 tahun itu ditahan dalam Ops Pertiwi/Ops Benteng di sekitar perairan Pulau Pinang kira-kira pukul 4 pagi.

Ketika ditahan, nelayan terbabit sedang ieka menangkap ikan menggunakan bot rawa sorong dan terdapat pelbagai spesies

ikan serta hasil laut bercengkerang berada di atas bot berkenaan.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, nelayan terbabit disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tanpa lesen yang sah.

"Mereka telah guna peralatan pukat rawa sorong untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan dan menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menang-

kap Ikan) 1980", katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ujarnya, APMM tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang perairan negara.

Tambahnya, sekiranya terdapat sebarang aduan atau kecemasan di laut, orang ramai diminta untuk memberi kerjasama dengan memberi maklumat awam kepada APMM.

Mereka boleh hubungi di talian 24 Jam iaitu MERS 999 atau terus hubungi Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang ditalian 04-262 6146 atau 04-264 3650.



TEKONG bersama dua awak-awak ditahan APMM selepas disyaki menggunakan pukat rawa sorong semalam.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		28	
							2/9/20	

• SH M/S 28 2/9/2020

Mayat nelayan ditemui terbaring bawah bangsal

DUNGUN - Mayat seorang nelayan ditemukan terbaring di bawah bangsal ikan di Kuala Paka di sini malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Baharudin Abdullah berkata, Ramli Abdul Rahim, 44,

dilaporkan tinggal bersendirian di bangsal berkenaan dan kali terakhir dilihat kira-kira jam 9 pagi kelmarin di sekitar kawasan sama.

"Mayat mangsa ditemui kira-kira jam 10.50 malam oleh enam rakannya sebelum seorang daripada

mereka bertindak menghubungi pihak polis," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Baharudin berkata, mayat mangsa telah dibawa ke Unit Forensik Hospital Dungun untuk tindakan lanjut. - Bernama